

Kosmo
6/9/2015
MLS 44

Tarik anak muda ke muzium

Pengunjung lebih meminati pameran berunsurkan alam ghaib seperti hantu sebagai daya penarik untuk mengunjungi muzium

SEBUT sahaja nama Muzium Negara kepada generasi muda masa kini, mungkin ia adalah pilihan terakhir untuk mereka lawati jika berkunjung ke ibu negara.

Ini mungkin disebabkan mereka menganggap bangunan yang menyimpan artifak, barang-barang lama serta tinggalan sejarah nenek moyang itu suatu tempat yang membosankan untuk dilawati.

Keadaan ini turut disebabkan oleh kepesatan pembangunan di Kuala Lumpur yang menjanjikan lebih banyak tempat kunjungan menarik, selain persaingan



MUZIUM Negara yang terletak di Jalan Damansara, Kuala Lumpur.



dengan gajet-gajet digital yang meleakakan anak muda masa kini.

Muzium Negara sekitar tahun 1970-an hingga awal 1990-an merupakan lokasi pelancongan wajib bagi setiap pengunjung yang datang dari luar Kuala Lumpur.

Sejak dua dekad lalu, jumlah pengunjung semakin berkurangan, malah ada ketikanya kadang-kadang suram.

Pada era globalisasi kini, sesuatu perlu dilakukan untuk mengembalikan zaman 'kegemilangan' Muzium Negara yang penuh dengan pengunjung. Bagi

mendapatkan penjelasan mengenai langkah-langkah yang diambil pihak muzium untuk menarik semula perhatian pelawat untuk terus berkunjung ke sana, **wartawan Kosmo! Ahad, Azimi Mustapha dan Mohammad Shahemy Azmi** menemu bual Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, Wan Jamaluddin Wani Yusoff, 60, yang baru bersara tiga hari lalu setelah berkhidmat dengan jabatan itu selama 33 tahun.

Kosmo! Ahad: Boleh tuan ceritakan serba sedikit tentang latar belakang pendidikan sehingga berjaya menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia?

WAN JAMALUDDIN: Saya merupakan anak jati kelahiran Kota Bharu, Kelantan dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sultan Ismail serta di Maktab Sultan Ismail pada peringkat sekolah menengah. Selepas menamatkan zaman persekolahan, saya melanjutkan pengajian ke Institut Teknologi Mara (kini dikenali sebagai Universiti Teknologi Mara)

di Shah Alam, Selangor dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Seni Reka dan Seni Halus (Industrial Design). Saya berkhidmat dengan Jabatan Muzium Negara mulai tahun 1982 sebagai Pegawai Peragaan sebelum ditukar kepada Penolong Kurator Gred B8. Saya kemudian dilantik sebagai Kurator Tingkatan Biasa pada 13 Ogos 1990 dan menjawat beberapa jawatan sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia pada 12 April 2015 menggantikan Ketua Pengarah terdahulu, Datuk Ibrahim Ismail.

Apakah peranan tuan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia?

Sebagai ketua pengarah, saya bertanggungjawab untuk menjaga dan memulihara segala khazanah, kebudayaan,inggalan dan bahan-bahan sejarah yang melibatkan negara untuk disimpan dengan baik dan dipamerkan. Pemuliharaaninggalan sejarah ini penting untuk menunjukkan peradaban dan budaya dalam pembangunan sesuatu kaum di negara ini. Sebagai contoh, pakaian lama seperti kebaya dapat menentukan identiti kaum tertentu, selain mengetahui asal usul mereka. Khazanah

PADA usia 60 tahun, Wan Jamaluddin kelihatan sihat dan masih bertenaga.

Kosmo
6/9/2015
MLS 45

berharga ini perlu disimpan dan dijaga dengan baik untuk tatapan generasi akan datang.

Sepanjang 33 tahun berkhidmat dengan Muzium Negara, apakah cabaran paling besar yang dilalui?

Cabaran paling besar adalah untuk menarik bilangan pengunjung terutama anak muda yang kini semakin berkurangan. Mungkin ini adalah kerana faktor perubahan semasa apabila dunia kini semakin maju dengan teknologi terkini, selain minat masyarakat itu sendiri yang semakin kurang untuk menghayati tinggalan bersejarah. Berbeza dengan tahun 1980-an sehingga 1990-an apabila Muzium Negara menjadi lokasi wajib yang harus dilawati setiap kali apabila orang luar berkunjung ke Kuala Lumpur. Mengikut statistik yang diperolehi, seramai 3.07 juta pengunjung telah melawat 22 buah muzium di seluruh Malaysia pada 2014 dan jumlah pengunjung sehingga 31 Ogos 2015 adalah berjumlah 1.7 juta orang. Keadaan itu mula berubah apabila mereka lebih gemar mengunjungi pusat beli-belah dan lokasi menarik lain.

Apakah strategi pihak Muzium Negara dalam menarik minat pengunjung khususnya



PERBINCANGAN dan persefahaman antara pekerja amat penting dalam merangka sesuatu program untuk memastikan matlamat yang dingini tercapai.

Hantu (2002) dan Pameran Senjata Tradisional 'Misteri dan Kesaktian' (2009).

Adakah muzium menjadi antara penyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia khususnya dalam industri pelancongan?

Terus terang, muzium bukanlah penyumbang besar dalam menjana pendapatan ekonomi negara. Bagaimanapun, muzium tetap memberi sumbangan berharga walaupun bukan dari segi wang ringgit dengan mempamerkan khazanah yang sungguh bernilai bagi sesebuah negara untuk tatapan generasi hari ini. Artifak dan tinggalan sejarah yang



WAN JAMALUDDIN berasa bangga apabila beberapa program pameran kendaliannya berjaya memikat pengunjung ke Muzium Negara.

minat pengunjung khususnya generasi muda dan pelancong asing?

Tidak dapat dinafikan masyarakat kita mahupun pengunjung asing sukakan sesuatu kelainan yang dapat menarik minat mereka untuk mengunjungi muzium. Jadi, antara strategi yang dibuat adalah dengan mengadakan pameran dari luar negara yang dibawa masuk ke sini. Sebagai contoh, pameran yang mempamerkan koleksi-koleksi semasa zaman dinasti China, pameran tentang koleksi mumia yang dibawa dari Mesir dan sebagainya. Pameran berunsurkan alam mistik juga amat diminati oleh pengunjung dan menjadi antara tarikan pengunjung ke muzium seperti Pameran Khazanah Dari Kubur (1988), Pameran

BEBERAPA koleksi berharga ditunjukkan Wan Jamaluddin di pejabatnya di Muzium Negara, Kuala Lumpur baru-baru ini.



dipamerkan tidak dapat dicari ganti, malahan sangat berharga kerana mempunyai nilai estetika tersendiri.

Difahamkan orang ramai boleh menderma apa-apa barangan bersejarah kepada pihak muzium. Bagaimanakah caranya?

Muzium Negara sangat memerlukan sokongan daripada masyarakat untuk memartabatkan khazanah warisan bangsa. Kami amat mengalu-alukan sumbangan daripada orang ramai dalam usaha untuk menghimpun, memulihara dan mempamer

khazanah sejarah negara. Ini bagi memastikan muzium dapat berkongsi apa-apa bentuk bahan sejarah untuk tatapan seluruh masyarakat dan juga pelancong asing. Sumbangan tidak terbatas kepada koleksi artifak sahaja. Orang ramai boleh menyumbang dokumen, kertas kerja, buku-buku, gambar-gambar dan koleksi peribadi yang mempunyai nilai dan sejarah. Individu yang menyumbang bahan kepada pihak muzium akan diberikan penghargaan dalam bentuk kredit apabila nama mereka sebagai pemilik akan dipamerkan pada barangan yang disumbangkan. Bagi yang ingin menyumbang, sila hubungi kami melalui telefon 03-2267 1000 atau e-mel di info@jmm.gov.my atau datang terus ke Muzium Negara.

Apakah harapan tuan sebagai bekas Ketua Pengarah Muzium Negara untuk melihat khazanah negara terus terpelihara?

Sebagai seorang yang berpengalaman luas dalam bidang permuziuman, saya berharap agar institusi ini terus dikekalkan sama ada di Muzium Negara mahupun di negeri-negeri.

Pada masa sama, fungsi muzium perlu dipelbagaikan dengan mengambil kira keinginan generasi Y masa kini dan bukan setakat untuk ruang mempamerkan barangan lama, tetapi juga menjadi pusat penyelidikan dan sumber rujukan kepada institusi pengajian.

EKSTRA

Wan Jamaluddin Wan Yusoff

- Merupakan bapa kepada empat orang cahaya mata berusia antara 12 hingga 25 tahun.
- Sangat aktif menyanyi semasa di universiti dan sering diundang untuk menghiburkan hadirin seperti pada majlis eksklusif dan program-program besar anjuran universiti.
- Seorang yang sederhana dan mudah mesra dengan sesiapa sahaja.
- Sering diundang memberikan ceramah berkenaan teknik dan kaedah pameran.

● Dikurniakan Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (ASK) pada tahun 1992, Darjah Kebesaran Yang Mulia Pangkuan Negara iaitu Ahli Mangku Negara (AMN) pada tahun 1995, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 1993 dan 2006.

● Telah bersara wajib pada usia 60 tahun berkuat kuasa pada 3 September 2015 dan digantikan oleh Kamarul Baharin A. Kassim yang sebelum ini merupakan Timbalan Ketua Pengarah (Dasar).

Foto: MOHMAD ZULFIKRI MOHD. ZABIDI